

Tanya Cikgu Naim



SOALAN

Bilakah kita harus menggugurkan perkataan di dalam ayat yang menggunakan kata hubung...

Contoh: Dia sudah tua. Dia tetap pergi ke sawah. (Walaupun)

Ayat 1: Dia tetap pergi ke sawah walaupun dia sudah tua.

Ayat 2: Dia tetap pergi ke sawah walaupun sudah tua.

Oleh: Nurfeiryanty dan Siti Radhiatul Adawiyah, P6C, Sekolah Rendah Yumin

JAWAPAN

Ayat 2 ialah ayat yang benar. Subjek **dia** dalam ayat kedua itu hendaklah digugurkan. Begitu juga, jika ayat 2 disongsangkan menjadi; walaupun sudah tua, dia tetap pergi ke sawah.

Ingatan :

Kata ganti yang merujuk orang yang lebih tua atau dihormati ialah beliau, bukan dia. Jadi, ayat tersebut hendaklah ditulis: Walaupun sudah tua, beliau tetap pergi ke sawah atau Beliau tetap pergi ke sawah walaupun sudah tua.

Dalam BM terdapat beberapa jenis pengguguran :

- 1 Pengguguran FN sebagai subjek yang serupa
 - 1.1 Budak itu pandai.
Budak itu rajin menelaah pelajaran.
Budak itu pandai dan rajin menelaah pelajaran.
 - 1.2 Wanita itu penyanyi.
Wanita itu pencipta lagu.
Wanita itu penyanyi dan pencipta lagu.
 - 1.3 Kami menyanyi.
Kami menari.
Kami berlawak.
Kami menyanyi, menari, dan berlawak.
- 2 Pengguguran seluruh atau sebahagian Predikat
 - 2.1 Jamil mendeklamasikan sajak Masuri Salikun.
Jamal mendeklamsikan sajak Masuri Salikun.
Jamil dan Jamal mendeklamasikan sajak Masuri Salikun.
 - 2.2 Abang Halim bermastautin di England.
Abang Azman bermastautin di England .
Abang Halim dan Abang Azman bermastautin di England.

3 Pengguguran objek yang serupa dalam frasa kerja transitif

- 3.1 Pegawai polis itu menumbuk muka penjahat itu.
Pegawai polis itu menampar muka penjahat itu.
Pegawai polis itu menumbuk dan menampar muka penjahat itu.
- 3.2 Wanita tua itu mengambil bawang.
Wanita tua itu menghiris bawang.
Wanita tua itu mengambil bawang lalu menghirisnya.

4 Pengguguran Frasa Nama yang mendahului Frasa Relatif.

- 4.1 Orang itu abang saya.
Orang itu bermisai.
Orang yang bermisai itu abang saya.
atau
Yang bermisai itu abang saya.
- 4.2 Bangunan itu bangunan baru MUIS.
Bangunan itu tinggi.
Bangunan itu tersergam indah.
Bangunan yang tinggi dan tersergam indah itu bangunan baru MUIS.